




PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN

HARI ISNIN: 20 OKTOBER 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 9, 12 HINGGA 32)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8, 10 DAN 11

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

No soalan : 09

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG THAI KING
(LANANG)**

TARIKH : 20 OKTOBER 2008

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan Kerajaan berusaha meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar termasuk bekalan air paip. Bilakah pemasangan air paip utama di Jalan KJD, Durin akan siap agar penduduk di sekitarnya dapat menikmati bekalan air paip.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah RMKe-9, sejumlah RM347.0 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek BALB di seluruh negeri Sarawak. Pelaksanaan projek BALB tersebut adalah berdasarkan kepada senarai keutamaan yang dikemukakan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) dan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan.

Bagi projek paip utama di Jalan KJD, Durin Kementerian dimaklumkan ianya akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak di bawah Projek Bekalan Air Kanowit Fasa II melalui peruntukan Kerajaan Negeri.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI)
TARIKH : 20.10.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan untuk membina Sekolah Rendah Jenis (K) Tamil Sungai Toh Pawang, Bedong, Kedah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina SJK(T) Sungai Toh Pawang, Bedong, Kedah tidak tersenarai dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-9. Hal ini demikian kerana keadaan kenaikan harga pasaran semasa bahan binaan yang tinggi menyebabkan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak mempunyai peruntukan untuk melaksanakan projek pembinaan sekolah tersebut.

SOALAN NO. 13

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: Lisan

DARIPADA : Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu]

TARIKH : 20 Oktober 2008

SOALAN : Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sejauh manakah kesan dan kejayaan Program Mempelbagai dan Meningkatkan Pendapatan Petani, Penternak dan Nelayan serta berapa ramaikah yang terlibat dan jumlah kos yang telah dibiayai oleh Kerajaan dalam program ini mengikut pecahan negeri.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Peningkatan pendapatan golongan sasaran yang terdiri dari petani, penternak dan nelayan telah menjadi perhatian Kementerian ini. Pelbagai usaha telah dijalankan dan di antaranya melibatkan galakan supaya golongan sasaran mempelbagaikan dan menambahkan sumber pendapatan melalui aktiviti pemprosesan.

Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian telah menjalankan Program Mempelbagai dan Meningkatkan Pendapatan Petani, Penternak dan Nelayan sejak dari tahun 2005 lagi. Melalui program ini, peserta diberikan bantuan alatan serta latihan meliputi aspek keusahawanan dan teknik pengeluaran produk untuk

mbolehkan mereka memulakan aktiviti menambah nilai produk pertanian keluaran mereka melalui aktiviti pemprosesan.

Tuan Yang Dipertua,

Antara kesan yang dapat dilihat melalui pelaksanaan program ini adalah peningkatan purata pendapatan peserta dari RM500 sebulan kepada RM886 sebulan. 36% dari jumlah peserta telah berjaya memperoleh pendapatan melebihi RM500 sebulan dan 31% lagi telah memperoleh lebih dari RM1,000 sebulan.

Sehingga tahun 2007, seramai 7,393 orang peserta telah dibangunkan melalui program ini melibatkan peruntukan berjumlah RM52.62 juta.

Bagi Jumlah peserta serta peruntukan mengikut negeri pula adalah seperti berikut:

Negeri	Peruntukan (RM Juta)	Bilangan Peserta
Kelantan	11,430,501	1386
Sabah	6,364,570	1138
P. Pinang	6,197,187	794
Kedah	5,517,905	681
Johor	4,258,613	600
Pahang	3,064,300	528
Sarawak	1,990,443	441
Perak	2,677,390	409
N. Sembilan	3,218,600	397
Selangor	2,736,060	371
Perlis	2,789,080	284
Terengganu	1,733,000	262
Melaka	639,650	102
Jumlah	52,617,229	7,393

Manakala bagi tahun 2008 pula, pihak Kementerian menyasarkan seramai 3,900 orang lagi peserta sedang dibangunkan melibatkan peruntukan berjumlah RM29 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
TARIKH : 20 OKTOBER 2008

SOALAN:

Y.B. Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah perangsang ekonomi yang akan dilaksanakan di Sarawak dan kaedah-kaedah untuk meringankan beban kehidupan rakyat di Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah utama bagi merangsang ekonomi negeri Sarawak dengan menyediakan persekitaran kondusif bagi menarik pelaburan swasta dari dalam negeri dan luar negara. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM12.3 bilion** untuk melaksana pelbagai program pembangunan sosioekonomi negeri Sarawak. Kerajaan juga telah melancarkan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) di bawah Kajian Separuh Penggal RMKe-9 untuk mempercepatkan pembangunan khususnya di kawasan wilayah tengah Sarawak. Bagi menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas untuk merangsang dan mempercepatkan pembangunan sosioekonomi di

lokasi terpilih, SCORE telah diberi peruntukan sebanyak **RM2.5 bilion**. Dalam Bajet 2009, peruntukan sebanyak **RM1.0 bilion** telah disediakan bagi meningkatkan infrastruktur dan kemudahan awam di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai Kerajaan yang amat responsif dan prihatin kepada keperluan rakyat, Bajet 2009 telah memperkenalkan beberapa inisiatif lain bagi meringankan beban kos sara hidup serta menjamin kesejahteraan masyarakat. **Pendekatan peluasan jaringan keselamatan sosial** telah diguna pakai bagi meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat yang mana beberapa program sosial dan bantuan kewangan diberikan kepada golongan yang memerlukan termasuk menaikkan tahap kelayakan pendapatan isi rumah bagi pemberian bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bagi Sarawak, kelayakan pendapatan isi rumah ditingkatkan daripada RM400 sebulan kepada RM830 sebulan.

Sebagai satu langkah khusus Kerajaan bagi meringankan lagi beban kewangan golongan berpendapatan rendah dan kurang bernasib baik, isi rumah dengan bil penggunaan elektrik sebanyak RM20 dan ke bawah sebulan; tidak perlu membayar bil berkenaan berkuat kuasa 1 Oktober 2008 sehingga akhir 2009. Langkah ini memberi faedah kepada kira-kira 1.1 juta isi rumah termasuk di Sarawak. Di samping itu, sebagai sebahagian program untuk meneruskan peningkatan pendapatan dan kualiti hidup rakyat, peruntukan khusus sebanyak **RM420 juta** disediakan untuk mempertingkatkan kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air dan jalan luar bandar bagi negeri Sarawak.

SOALAN NO: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR MOHD PUAD BIN ZARKASHI
[BATU PAHAT]

BERTARIKH : 20 OKT 2008

SOALAN :

DR MOHD PUAD BIN ZARKASHI [BATU PAHAT]
MEMINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN
BAGAIMANAKAH ASET MILIK KERAJAAN DIPANTAU
AGAR TIDAK BERLAKU PEMBAZIRAN UNTUK TUJUAN
PENYELENGGARAAN.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN YANG BERHORMAT, KEMENTERIAN KERJA RAYA MELALUI JKR TELAH MENYEDIAKAN DASAR, PELAN TINDAKAN DAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN ASET YANG BERKESAN BAGI MEMBANTU AGENSI-AGENCI KERAJAAN UNTUK MELAKSANAKAN PENGURUSAN ASET KERAJAAN DIMANA PRESTASI PENCAPAIAN PENGURUSAN ASET KERAJAAN INI DITENTUKAN OLEH KPI (KEY PERFORM INDEKS) YANG TELAH DITETAPKAN.

DAFTAR ASET PUSAT TELAH DIBANGUNKAN DIMANA JKR BERPERANAN UNTUK MENGUMPUL DATA-DATA ASET DAN DIMASUKKAN DALAM DAFTAR ASET PUSAT.

UNTUK MAKLUMAN YANG BERHORMAT, KEMENTERIAN MELALUI JKR JUGA MENYEDIAKAN JADUAL PENGURUSAN ASET SECARA BERKALA DIMANA LAPORAN TERSEBUT AKAN SENTIASA

DIPANTAU DAN DISEMAK . SEMUA CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN ASET KERAJAAN AKAN DISEMAK DAN SETERUSNYA DIPERBAIKI. JKR JUGA MENGADAKAN PROGRAM AUDIT PEMERIKSAAN BANGUNAN IAITU PROGRAM PEMERIKSAAN BANGUNAN KERAJAAN YANG SEDIADA DAN JUGA YANG SEDANG DALAM PEMBINAAN

DI DALAM PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 5 TAHUN 2007 MENYATAKAN SETIAP KEMENTERIAN DAN JABATAN KERAJAAN DIKEHENDAKI MEMPUNYAI PEGAWAI ASETNYA SENDIRI UNTUK MEMANTAU PENGURUSAN ASET KERAJAAN. JKR JUGA MENYELARAS PERLAKSANAAN PENGURUSAN ASET KERAJAAN DI ANTARA AGENSI-AGENSI KERAJAAN PERINGKAT PERSEKUTUAN.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM
TARIKH : 20 OKTOBER 2008

SOALAN:

Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Kasim [KUALA KEDAH] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai projek utama di bawah NCER (Northern Corridor Economic Region) dalam sektor pertanian dan adakah projek-projek ini akan dikaji semula.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara program dan projek utama sektor pertanian di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang dicadangkan di bawah Pelan Induk NCER termasuk Pembangunan tanaman padi di dalam dan luar kawasan MADA; Pemulihan dan penambahbaikan saluran dan saliran ke kawasan sawah di Kedah dan Perlis; Pembangunan pusat pembiakan dan penternakan lembu dan kambing serta pusat pengeluaran makanan haiwan; Projek tanaman rumput sorghum dan jagung di Kedah; dan Program pembangunan sumber manusia agroteknokrat di Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Projek-projek tersebut adalah sebahagian daripada projek yang telahpun dikaji semula keutamaannya bagi memastikan ianya dapat

memberi faedah secara langsung kepada rakyat serta memberi fokus kepada keperluan menambah bekalan pengeluaran makanan negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH**
(LENGGONG)
TARIKH : **20.10.2008**

SOALAN:

Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH [LENGGONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pihak Kementerian boleh mewujudkan sebuah sekolah khas (dipilih dari mana-mana sekolah harian) yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan, guru-guru yang berkualiti setaraf dengan sekolah berasrama penuh di setiap kawasan parlimen bagi menampung pelajar-pelajar cemerlang UPSR dan PMR yang tidak berjaya melanjutkan pelajaran di mana-mana Sekolah Berasrama Penuh (SBP) atau Maktab Rendah Sains MARA (MRSM).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedar dan prihatin kepada keperluan sekolah-sekolah khas bagi menampung murid-murid yang mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan UPSR dan PMR, memandangkan ramai murid ini tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah berasrama penuh (SBP) atau Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Oleh yang demikian, selain daripada SBP dan MRSM, telah wujud sekolah-sekolah Kluster dalam sistem pendidikan di Malaysia yang bermatlamat melonjak dan menyemarakkan lagi kecemerlangan institusi pendidikan dalam sistem pendidikan negara. Sekolah-sekolah yang dipilih menjadi Sekolah Kluster mampu menunjukkan kecemerlangan di dalam kebitaraan akademik dan kokurikulum serta menjadi

contoh berdasarkan kelompok sekolah yang sama melalui konsep kerjasama dan kolaborasi. Di samping itu, program ini dapat mengembangkan potensi dan kualiti kluster sekolah tertentu supaya setanding dengan sekolah terkemuka di negara maju.

KPM juga mengadakan Kelas Rancangan Khas (KRK) sekolah-sekolah terpilih di seluruh negara bagi menempatkan murid-murid cemerlang akademik yang tidak dapat ke SBP atau MRSM. Antara objektif KRK adalah untuk realisasikan budaya cemerlang dalam akademik, kokurikulum, kerohanian, keunggulan sahsiah serta ketrampilan kepimpinan secara berfokus.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' HJ. AB. HALIM AB. RAHMAN
(PENGKALAN CHEPA)**

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 20.10.2008

Dato' Hj. Ab. Halim AB. Rahman (Pengkalan Chepa) minta **Menteri Kewangan** menyatakan apakah bentuk subsidi yang akan diberikan kepada golongan miskin atau yang berpendapatan rendah yang tidak mempunyai kereta bermotor atau bot nelayan. Adakah Kerajaan bercadang untuk memberi subsidi beras kupon sebagaimana kupon minyak diesel kepada nelayan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada subsidi dalam bentuk rebat yang diberi kepada pemilik kenderaan, Kerajaan masih memberi subsidi diesel dan petrol yang turut dinikmati oleh pengusaha perkhidmatan awam sekali gus mengawal kos pengangkutan bagi golongan miskin dan berpendapatan rendah. Kerajaan pada tahun 2007 telah membelanjakan sebanyak RM15 bilion untuk meringankan beban kewangan bagi golongan miskin dan berpendapatan rendah

melalui pelbagai bentuk subsidi termasuk Subsidi Padi, Bantuan Pendidikan, Pengangkutan dan lain-lain. Di samping itu, Kerajaan dalam tahun 2008 telah mengumumkan bantuan tambahan dalam bentuk Dasar Jaminan Makanan, subsidi harga tepung gandum dan roti serta subsidi harga beras. Kerajaan juga telah mencadangkan perluasan jaringan keselamatan sosial semasa pembentangan Bajet 2009 khusus bertujuan untuk meringankan beban kos sara hidup golongan berpendapatan rendah dan kurang bernasib baik.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun Kerajaan tidak bercadang memberi subsidi beras kupon sebagaimana kupon minyak diesel kepada nelayan, Kerajaan mencadangkan penyediaan peruntukan sebanyak RM400 juta bagi tahun 2009 untuk mengawal harga beras ST15 yang bertujuan membantu golongan berpendapatan rendah membeli beras pada harga yang munasabah.

Disediakan oleh : Imee Shahnaz binti Mohd Bashah
PPB(D)4 – samb. 3896

Disemak oleh : K.Givananadam
TPB(D) – samb. 3807

Diluluskan oleh : Datuk Latifah binti Datuk Abu Mansor
PBB – samb. 3838

NW=19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT

SOALAN 19 : PR-1213-L15474
PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN GWO BURNE LOH

TARIKH : 20 Oktober 2008
SOALAN : YB Tuan Gwo Burne Loh minta
MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan dasar Kerajaan dalam
meratifikasi konvensyen Pertubuhan
Bangsa-bangsa Bersatu dan adakah
Kerajaan bercadang untuk diratifikasi
sebagai anggota dan Majlis Hak Asasi
Manusia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Kelana Jaya atas soalan yang dikemukakan.

2. Kerajaan menyedari akan pentingnya Malaysia menjadi negara pihak kepada konvensyen-konvensyen antarabangsa. Walau bagaimanapun, sebelum Malaysia menjadi negara pihak kepada mana-mana konvensyen antarabangsa, Malaysia perlu terlebih dahulu membuat persediaan bagi memastikan peruntukan konvensyen-konvensyen tersebut boleh dilaksanakan oleh negara mengikut mekanisme dan juga rangka perundangan sedia ada. Sekiranya tidak lagi terdapat mekanisme ataupun undang-undang untuk melaksanakan peruntukan konvensyen, maka mekanisme atau undang-undang berkenaan perlu digubal sebelum Malaysia boleh menjadi negara pihak kepada sesuatu konvensyen. Di samping itu, undang-undang sedia ada perlu disemak dengan terperinci bagi memastikan ia tidak bertentangan dengan peruntukan konvensyen yang boleh diratifikasi. Di masa yang sama, peruntukan konvensyen berkenaan perlu diteliti bagi memastikan ia tidak bertentangan dengan undang-undang negara.

3. Untuk itu, Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah pentadbiran dan perundangan yang perlu bagi membolehkan undang-undang yang berkaitan adalah selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam beberapa

konvensyen antarabangsa yang mana Malaysia berminat untuk meratifikasi.

4. Bagi Malaysia, adalah penting untuk melaksanakan semua prinsip-prinsip yang terkandung di dalam mana-mana konvensyen dengan sebaik mungkin. Malaysia tentunya tidak berhasrat menjadi negara pihak sekiranya terdapat peruntukan yang tidak dapat dipenuhi dan dilaksanakan dengan sempurna.

5. Berhubung dengan Majlis Hak Asasi Manusia, Malaysia telah terpilih sebagai ahli kepada Majlis Hak Asasi Manusia pada tahun 2006 dan keanggotaan Malaysia akan berakhir pada bulan Jun 2009. Sejak Malaysia menjadi ahli, Malaysia telah memainkan peranan aktif dalam mempromosikan dan melindungi hak asasi manusia menerusi dialog-dialog konstruktif berkenaan isu-isu hak asasi manusia. Bagi menunjukkan betapa pentingnya isu hak asasi manusia kepada Malaysia, Malaysia bercadang untuk menjadi anggota Majlis Hak Asasi Manusia bagi penggal 2010 hingga 2013.

Ms-28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF
[RANTAU PANJANG]
TARIKH : 20.10.2008 (ISNIN)
SOALAN : 32 20

PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan bilakah harga minyak akan diturunkan semula dan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan barangan keperluan harian pengguna tidak terus melambung harganya terutama dalam menghadapi bulan Ramadan dan musim perayaan akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah pun mengumumkan penurunan harga minyak petrol dan diesel sebanyak tiga (3) kali sejak kenaikan mendadak pada bulan Jun yang lalu iaitu antara 15 hingga 22 sen seliter berkuatkuasa 23 Ogos 2008, 10 sen pada 24 September 2008 dan antara 10 sen sehingga 20 sen seliter pada 15 Oktober 2008. Harga runcit petrol RON97 dikurangkan sebanyak 40 sen daripada RM2.70 seliter kepada RM2.30 seliter manakala harga runcit petrol RON92 dikurangkan sebanyak 42 sen iaitu daripada RM2.62 sen seliter kepada RM2.20 seliter. Harga runcit diesel dikurangkan sebanyak 38 sen seliter daripada RM2.58 seliter kepada RM2.20 seliter.

Kerajaan masih memantau harga minyak global setiap bulan dan sekiranya aliran harga minyak menurun dan stabil secara prinsipnya Kerajaan memang bersedia untuk menurunkan lagi atau mengekalkan harga petrol pada harga sekarang. Kerajaan tidak boleh menurunkan harga petrol apabila harga minyak dunia jatuh dalam sehari dua kerana ianya akan menyukarkan Kerajaan untuk membuat penyesuaian harga.

Bagi memastikan barangan keperluan harian pengguna tidak terus melambung harganya terutama di musim perayaan, beberapa langkah telah dan akan diambil iaitu :

(i) Menganjurkan perjumpaan dengan pihak-pihak pengeluar barangan keperluan sebelum tibanya musim perayaan bagi mendapatkan maklumbalas kedudukan bekalan barang-barang keperluan yang diguna semasa menyambut musim perayaan. Perjumpaan ini juga bertujuan untuk mendapatkan jaminan pihak pengeluar bagi memastikan bekalan mencukupi dan harga barang yang dijual adalah pada paras yang berpatutan dan munasabah;

(ii) Memantau pengilang dan pemborong khususnya gula dan minyak masak yang memiliki lesen barang kawalan. Pengilang dan pemborong perlu mematuhi syarat-syarat khas yang dikenakan bagi menentukan pengeluaran bekalan mencukupi, mengemukakan penyata stok bulanan bagi memaklumkan kuantiti pengeluaran, pendedaran dan baki stok semasa untuk penelitian Kementerian serta tidak dibenar menaikkan harga tanpa kebenaran;

(iii) Meneruskan pelaksanaan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan yang dimulakan pada tahun 2000 untuk membendung kenaikan harga barang yang tidak berpatutan menjelang musim perayaan. Tindakan penguatkuasaan di bawah skim tersebut dapat mengekang gejala-gejala kenaikan harga barangan kerana semasa tempoh kawalan harga berkuatkuasa, peniaga yang menjual barang-barang harga terkawal melebihi harga maksimum yang ditetapkan boleh diambil tindakan; dan

(iv) Mewartakan 25 jenis barang sebagai barang kawalan musim perayaan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Pewartaan ini bagi membolehkan Kementerian mengawal dan memantau bekalan dan pengedaran barang-barang keperluan di pasaran semasa musim perayaan.

NO SOALAN : 21

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI MOHAMED
BIN HAJI AZIZ
(SRI GADING)**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2008
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah sehingga kini masih ada bekas tentera yang masih hidup di bawah taraf kemiskinan, jika masih ada apakah tindakan Kementerian bagi membantu golongan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian tidak mempunyai data berkenaan bekas tentera yang masih hidup di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) seperti takrifan 'taraf kemiskinan' oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Bagaimanapun, seorang pesara anggota tentera berpangkat prebet yang telah berkhidmat tidak kurang dari 21 tahun akan menerima minima pensen perkhidmatan sebanyak RM1,036.50 sebulan di samping menerima lain-lain ganjaran seperti berikut:

a. Gratuiti	-	RM39,194.82
b. Ganjaran dari Lembaga Tabung Angkatan Tentera	-	RM40,000.00
c. Faedah Gantian Cuti Rehat (FGCR)	-	RM9,855.20

Selain daripada pensen dan ganjaran-ganjaran yang diberikan seperti di atas, Kementerian juga telah melaksanakan beberapa tindakan untuk meringankan beban

golongan ini bagi mereka yang layak menerimanya iaitu mengadakan pelbagai jenis skim kebajikan seperti berikut:

- a. Skim sara hidup**
- b. Skim persekolahan (tanggungan yang layak)**
- c. Skim IPTA (tanggungan yang layak)**
- d. Skim peralatan pesakit**
- e. Skim bencana alam**

Bagi bekas-bekas tentera yang tidak berpencen iaitu mereka yang berhenti awal dari perkhidmatan yang kurang dari 21 tahun dan kurang mampu, keutamaan berikan kepada mereka bagi mendapatkan bantuan melalui skim kebajikan ini.

Bermula daripada Januari hingga Ogos 2008, sebanyak RM5.5 juta telah diagihkan di bawah Skim Kebajikan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) kepada 5,649 Veteran ATM termasuk ahli keluarga yang ditanggung mereka. Selain dari itu, Veteran ATM juga digalakkan datang ke pejabat-pejabat JHEV di seluruh negara bagi mendapat bantuan dan khidmat nasihat.

Bagi bekas-bekas tentera yang tidak diiktiraf iaitu mereka yang diberhentikan perkhidmatan disebabkan jenayah dan kurang mampu, JHEV turut mengambil inisiatif

menyalurkan maklumat mereka ini kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan badan-badan amal yang lain bagi tujuan mendapatkan bantuan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
(BATU KAWAN)**

TARIKH : 20.10.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN P. RAMASAMY A/L PALANISAMY [BATU KAWAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk bekerjasama dengan Kerajaan negeri Pulau Pinang bagi memperuntukkan tanah untuk pembinaan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bertanggungjawab memperuntukan tanah bagi sekolah kerajaan (bantuan penuh) yang terdiri SK, SJKC dan SJKT. Sekolah-sekolah Bantuan Kerajaan termasuk SJKT bantuan kerajaan, lazimnya penyediaan dan proses perolehan tanah untuk pembinaan sekolah tersebut adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Pengelola Sekolah (LPS).

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab LPS untuk mengenalpasti tapak bagi pembinaan sekolah-sekolah berkenaan dengan kerjasama Kerajaan Negeri. Tugas dan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan adalah menyediakan kemudahan-kemudahan tertentu termasuklah menempatkan tenaga pengajar dan staf sokongan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
[TUMPAT]

TARIKH : 20.10.2008

SOALAN : Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
[TUMPAT]

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Integriti, Perpaduan Kaum dan Hubungan Luar Negara akan dibentuk.

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebelum pembubaran Parlimen pada 13 Februari 2008 yang lalu, hanya terdapat 3 buah Jawatankuasa Pilihan Khas, iaitu Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Integriti, Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara dan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Etika. Jawatankuasa-jawatankuasa ini kemudiannya terbubar dengan sendirinya kesan akibat langsung daripada pembubaran Parlimen.

Pada masa ini, Kerajaan masih lagi dalam pertimbangan untuk mewujudkan semula jawatankuasa-jawatankuasa yang ada serta jawatankuasa-jawatankuasa yang lain tertakluk kepada keutamaan penubuhan jawatankuasa yang berkaitan. Ahli-ahli Yang Berhormat bebas untuk memberi apa-apa cadangan dan akan dikaji oleh Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM @ NYALLAU
ANAK BADAK [LUBOK ANTU]**

TARIKH : 20 OKTOBER 2008

**SOALAN : Meminta MENTERI
PELANCONGAN menyatakan:**

Kenapa peruntukan sebanyak RM1 juta untuk projek membina jeti panjang dan ponton di Tasik Empangan Batang Ai, Lubok Antu dibatalkan/ditangguhkan sedangkan projek tersebut begitu penting untuk menarik lebih ramai lagi pelancong ke Lubok Antu sebagai tempat beristirehat sambil memancing dan digunakan semasa pesta Regata Batang Ai.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak RM1 juta telah diperuntukkan bagi Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan Sukan Air dan Rekreasi di Tasik Empangan Batang Air, Sarawak di bawah RMKe9. Peruntukan ini adalah bagi pembinaan jeti serta pontoon untuk tujuan memancing dan rekreasi dan menaiktaraf pentas sedia ada. Projek ini pada awalnya ditangguhkan di bawah Kajian Separuh Penggal disebabkan oleh kelewatan pelaksanaan projek. Walau bagaimana pun projek ini telah diluluskan semula, selepas mengambilkira kepentingan projek di dalam menarik pelancong-pelancong ke sini. Projek ini telah pun ditender pada September dan pembinaan dijangka akan bermula akhir tahun ini.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATUK RICHARD RIOT JAEM
(SERIAN)**
TARIKH : **20 OKTOBER 2008**
SOALAN :

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan nama-nama kampung/ rumah panjang di kawasan Parlimen Serian yang akan mendapat bekalan elektrik dari talian grid di bawah Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), dalam RMK-9.

JAWAPAN :

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) sedar bahawa masalah kemudahan asas bekalan elektrik di negeri Sarawak khususnya di kawasan Parlimen Serian belum dapat diselesaikan sepenuhnya.

Dalam tempoh RMKe-9, Kerajaan Negeri Sarawak melalui Kementerian Kemudahan Awam Sarawak (KKA) telah mengemukakan senarai 92 projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) talian grid bernilai 70.6 juta untuk dilaksanakan sehingga akhir tahun 2010. Sehingga tahun 2008, sejumlah 22 projek BELB talian grid bernilai RM24.15 juta telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Serian dan telah memberi manfaat kepada 2,234 buah rumah.

Untuk makluman Y.B, senarai keutamaan pelaksanaan projek BELB talian grid setiap tahun dimuktamadkan oleh Kementerian bersama KKA selepas mengambil

kira keupayaan bekalan oleh Syarikat SESCO Berhad di kawasan terlibat serta peruntukan tahunan yang diluluskan. Perkara ini penting untuk mengelakkan masalah susutan beban bekalan berlaku dan menjamin pengguna mendapat bekalan elektrik yang stabil.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN KHAIRY BIN JAMALUDDIN
(REMBAU)

TARIKH : 20 OKTOBER 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. TUAN KHAIRY BIN JAMALUDDIN (REMPAU) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat mengkaji dan menaikkan kadar bantuan bayaran sewa rumah sebanyak RM124 sebulan untuk golongan miskin bandar kepada suatu kadar yang lebih berpatutan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Program Pembasmian Kemiskinan Bandar telah menyalurkan Bantuan Sewa Rumah sebanyak RM124.00 sebulan kepada keluarga miskin yang layak di kawasan bandar yang menduduki rumah secara sewaan sama ada di rumah Program Perumahan Rakyat (PPR), rumah majlis dan rumah persendirian termasuk bilik. Kadar bantuan RM124.00 sebulan yang diguna pakai adalah selaras dengan kadar sewaan yang dikenakan di rumah PPR yang ada sekarang. Buat masa ini, KPKT belum lagi bercadang untuk mengkaji semula kadar bantuan bayaran sewa rumah ini. Ketetapan kadar ini akan dikaji sekiranya berlaku kenaikan kepada kadar sewaan yang dikenakan di rumah PPR.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2008

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 20 OKTOBER 2008

RUJUKAN : 1289

SOALAN:

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah banduan yang terdiri daripada golongan belia yang berumur lingkungan 40 tahun dan pecahan mengikut kesalahan-kesalahan jenayah serta apakah program khas yang diberikan kepada mereka dalam penjara.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat dari Maran** yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod Jabatan Penjara pada 2 September 2008 terdapat seramai 34,451 orang atau 87.35% penghuni penjara yang berumur antara 21 hingga 40 tahun berbanding dengan jumlah keseluruhan seramai 39,440 orang. Daripada jumlah keseluruhan ini, seramai 1,992 orang atau 5.05% pula berumur di bawah 21 tahun manakala 2,997 orang atau 7.6% berumur lebih dari 40 tahun.

Berdasarkan statistik yang sama didapati bahawa golongan yang berumur 21 hingga 40 tahun ini terlibat dengan kesalahan-kesalahan seperti berikut:

i.	Pengedaran dan penagihan dadah	10,271
ii.	Membunuh	752
iii.	Jenayah seksual	1,003
iv.	Curi dan samun	5,535
v.	Dadah dan curi	294
vi.	Lain-lain kesalahan (satu kesalahan atau lebih)	16,596
	Jumlah	34,451

Semasa ditahan atau menjalani hukuman di institusi penjara, semua penghuni akan diberikan latihan pemulihan berasaskan plan pemulihan bersepadu Jabatan Penjara iaitu Plan Pembangunan Insan. Plan tersebut memberikan penekanan agar penghuni yang dibebaskan kelak insaf, berkemahiran, dapat berdikari, berguna kepada masyarakat serta tidak mengulangi kesilapan. Ia melibatkan perubahan sikap, kemahiran dan pengetahuan yang diterapkan melalui 4 fasa Plan Pembangunan Insan iaitu fasa pembinaan insan, fasa pengukuhan sahsiah, fasa kemahiran dan fasa kemasyarakatan.

Plan tersebut juga memberikan program pemulihan khas yang diperlukan oleh kategori penghuni tertentu iaitu berasaskan kemahiran sedia ada, kecenderungan, latar belakang diri dan kesalahan serta tahap kawalan keselamatan. Pemulihan khas tersebut dilaksanakan melalui modul-modul yang sesuai seperti modul pesalah kes seksual, modul pesalah dadah, modul reman, modul tahanan dan lain-lain lagi. Disamping itu mereka juga diberikan latihan kemahiran vokasional, akademik, keagamaan dan kaunseling seperti berikut:

- i. latihan kemahiran vokasional termasuklah secara bersijil;
- ii. Kelas-kelas akademik melanjutkan pelajaran di peringkat sijil, diploma dan ijazah;
- iii. Sesi kaunseling individu, kelompok dan keluarga; dan
- iv. Sesi pendidikan agama dan rohani.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO. SOALAN : ~~25~~ 28
PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN NIZAR BIN ZAKARIA (PARIT)
TARIKH : 20.10.2008

SOALAN:

Tuan Nizar bin Zakaria (Parit) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dilakukan Kerajaan untuk menyeragamkan undang-undang syariah di antara negeri-negeri yang ketika ini banyak perbezaan dalam pelaksanaannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kerajaan sentiasa berusaha untuk menyelaraskan dan menyeragamkan undang-undang syariah di antara negeri-negeri melalui Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan dianggotai oleh wakil negeri-negeri. Satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak/Sivil telah ditubuhkan bagi tujuan ini.
2. Majlis Raja-Raja dalam mesyuarat Kali ke 188 pada 22 Mac 2001 telah memperkenalkan lima (5) model rang undang-undang seragam untuk

digunapakai di negeri-negeri di seluruh negara. Undang-Undang tersebut ialah;-

- (a) Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam;
- (b) Undang-Undang Keluarga Islam;
- (c) Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah;
- (d) Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah; dan
- (e) Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah.

3. Sehingga kini sebanyak sembilan (9) buah negeri telah menggunakan kelima-lima (5) Rang Undang-Undang Seragam yang telah diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja iaitu :

- (i) Negeri Sabah;
- (ii) Negeri Sarawak;
- (iii) Negeri Johor;
- (iv) Negeri Melaka;
- (v) Negeri Sembilan;
- (vi) Negeri Selangor;
- (vii) Negeri Perak;
- (viii) Negeri Pulau Pinang; dan
- (ix) Negeri Perlis.

4.. Terdapat tiga (3) buah negeri telah menggunakan empat (4) Rang Undang-Undang Seragam yang telah diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja iaitu;

- (i) Negeri Terengganu – kecuali Undang-Undang Keluarga Islam;
- (ii) Negeri Kelantan – kecuali Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam; dan
- (iii) Negeri Pahang – kecuali Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam

5. Negeri Kedah telah menggunakan dua (2) Rang Undang-Undang Seragam yang telah diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja iaitu Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam manakala Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah, Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah dan Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah masih dalam tindakan negeri.

6. Wilayah Persekutuan telah menggunakan tiga (3) Rang Undang-Undang Seragam yang telah diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja iaitu Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah, Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah dan Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah. Manakala Rang Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan) dan Rang Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam dijadualkan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Parlimen Kedua Belas yang sedang bersidang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD
(KOTA RAJA)

TARIKH : 20 OKTOBER 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD (KOTA RAJA) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah projek perumahan yang terbengkalai di seluruh negara dan bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk membantu mengurangkan bebanan pembeli-pembeli yang terlibat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 1990 sehingga Jun 2008, terdapat sejumlah 270 projek perumahan terbengkalai di Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 126 projek telah disiapkan dengan Sijil Layak Menduduki, 29 projek sedang dalam pembinaan manakala 115 projek masih terbengkalai.

Pada masa ini, Kementerian telah membantu pembeli-pembeli rumah yang terbabit dalam projek-projek terbengkalai dengan mengeluarkan satu surat pengesahan projek perumahan terbengkalai bagi membantu pembeli untuk berurusan dengan pihak pembiaya bagi tujuan-tujuan berikut :-

- (a) Penstrukturan semula bayaran balik pinjaman perumahan ;

- (b) Pembekuan atau penangguhan bayaran faedah kena dibayar bagi tempoh masa projek masih terbengkalai dan belum dipulihkan bagi mereka yang mengambil pinjaman perumahan Kerajaan; dan

- (c) Permohonan pengeluaran kali kedua wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk membeli rumah lain.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2008

SOALAN 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LEE CHEE LEONG
(KAMPAR)
TARIKH : 20 OKT 2008
SOALAN :

Y.B. Tuan Lee Chee Leong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah projek-projek pembangunan yang ditangguhkan oleh Kerajaan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010.

CADANGAN JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian boleh mengemukakan semula permohonan bagi projek-projek yang ditangguhkan oleh Kerajaan di bawah Kajian Separuh Penggal RMKe-9 untuk dipertimbangkan pelaksanaannya di bawah RMKe-10 terutamanya bagi projek-projek yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat. Dalam masa yang sama, kementerian juga perlu memulakan perancangan awal dengan membuat penyediaan kerja-kerja pra-pembinaan seperti mengenal pasti tapak projek,

penyediaan ringkasan projek serta reka bentuk projek bagi projek-projek yang telah dikenalpasti untuk dilaksanakan di bawah RMKe-10 kelak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
[TELOK INTAN]**

TARIKH : 20 OKTOBER 2008

SOALAN:

**Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah Senator yang menjawat jawatan Menteri dan Timbalan Menteri; dan
- (b) apakah sebab Senator-senator dijadikan Menteri dan Timbalan Menteri sedangkan terdapat Ahli-ahli Dewan Rakyat yang boleh dilantik.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa sekarang, seramai 2 daripada jumlah 31 ahli Jemaah Menteri dan seramai 5, daripada jumlah 38 Timbalan Menteri, merupakan Ahli Dewan Negara atau Senator.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perlembagaan menyatakan dengan jelas sekali bahawa jawatan Menteri dan Timbalan Menteri boleh dipenuhi oleh mana-mana Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat atau pun Dewan Negara. Keputusan untuk melantik Menteri serta Timbalan Menteri akan diambil oleh Yang Di Pertuan Agong di atas nasihat Perdana Menteri.

Nasihat Perdana Menteri dalam perlantikan seseorang Ahli Yang Berhormat sebagai Menteri dan Timbalan Menteri adalah berasaskan pelbagai faktor yang dianggap sebagai mustahak untuk memberikan perkhidmatan kerajaan yang terbaik kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MASIR ANAK KUJAT
[SRI AMAN]
TARIKH : 20 OKTOBER 2008
SOALAN :**

Tuan Masir Anak Kujat (Sri Aman) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah hospital baru Sri Aman akan dibina.

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan Hospital Sri Aman telah sedia wujud dan beroperasi, Kementerian ini hanya menumpukan kepada projek naiktaraf hospital sedia ada apabila diperlukan. Oleh kerana ketiadaan peruntukan dalam RMK-9, projek ini dijangka akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).